

TripCare 360 Takaful

Lindungi perjalanan anda dengan perlindungan komprehensif

Etiqua Online 1300 13 8888
www.etiqa.com.my



Etiqua General Takaful Bhd (201701025031)
(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013
dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)
Dataran Maybank, No. 1 Jalan Maarof,
59000 Kuala Lumpur, Malaysia

T +603 2297 3888
F +603 2297 3800
E info@etiqa.com.my

Hubungi kami di



Takaful

Bukan sahaja Takaful,
Etiqua Takaful

Percutian Adalah Pulang Dengan Senyuman, Bukan Kebimbangan

Terdapat banyak sebab untuk anda gembira, terutamanya semasa anda mengembara. **TripCare 360 Takaful** dari Etiqa akan membuat anda tersenyum dengan tawaran “Fast & Easy” kami:



Rawatan Perubatan Tanpa Tunai

Surat Jaminan disediakan untuk kemalangan atau penyakit semasa perjalanan di luar negara dengan hanya satu panggilan ke talian hotline 24/7 kami untuk kemasukan ke hospital **tanpa tunai** (Manfaat penjagaan perubatan dikecualikan untuk penyakit sedia ada).



Kehilangan Bagasi

Tuntutan bagasi dibayar berdasarkan **jumlah dilindungi** sehingga RM1,000.



Kelewatan Perjalanan

Dapatkan bayaran **RM100** untuk 2 jam kelewatan perjalanan, tanpa membuat sebarang tuntutan.



Perlindungan Manfaat Tambahan COVID-19

Nikmati ketenangan fikiran semasa bercuti dengan **perlindungan manfaat tambahan** COVID-19.

Kelayakan

Individu/Dewasa mestilah berumur dari 18 hingga 70 tahun, warga emas mestilah berumur dari 71 hingga 80 tahun dan kanak-kanak mestilah berumur sekurang-kurangnya 45 hari hingga 18 tahun, atau bawah umur 23 tahun sekiranya masih belajar sepenuh masa.

Fakta tentang Perkhidmatan Bantuan Perjalanan dan Perubatan 24 jam

1. Tuntutan Careline: **1 300 88 1007**
2. Talian Bantuan Kecemasan: **+603-2785 6565**
3. Beroperasi 24 jam sehari, 7 hari seminggu, dan 365 hari setahun.
4. Lebih daripada 400,000 penyedia perkhidmatan di seluruh dunia dan mampu bertutur dalam 40 bahasa.
5. Bantuan Perjalanan termasuk:
 - Kehilangan bagasi, pasport atau dokumen
 - Bantuan penterjemah, maklumat cuaca, jadual penerbangan, tempahan dan tiket
 - Rujukan jurubahasa atau terjemahan
6. Bantuan Perubatan termasuk:
 - Rujukan perubatan, maklumat & nasihat 24 jam
 - Tempahan hotel/kereta sewa, temu janji rawatan dengan doktor tempatan dan penghantaran ubat penting
 - Pengurusan dan bayaran pendahuluan untuk rawatan anda

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada Sijil Takaful untuk maklumat lanjut mengenai perjalanan dan bantuan perubatan.

Pelan dan Manfaat

| Manfaat (setiap kemalangan /insiden, setiap perjalanan) | Jumlah Maksimum Dilindungi setiap orang (RM) | | | |
|--|--|--|------------------|----------|
| | Domestik | Antarabangsa | | |
| | | Perak | Emas | Platinum |
| <p>Had Agregat Liabiliti adalah had maksimum untuk RM5,000,000 bagi setiap sijil. Sekiranya amaun agregat untuk semua manfaat yang dibayar di bawah kontrak ini melebihi had agregat, manfaat yang dibayar kepada setiap orang yang dilindungi akan dikurangkan mengikut kadar supaya jumlah semua manfaat yang dibayar tidak melebihi had agregat.</p> | | | | |
| Seksyen A – Kemalangan diri | | | | |
| <p>Kematian atau hilang upaya kekal akibat kemalangan</p> <p>a. Setiap dewasa</p> <p>b. Setiap kanak-kanak</p> <p>c. Setiap warga emas</p> <p>d. Maksimum satu keluarga*</p> | 50,000 | 100,000 | 300,000 | 500,000 |
| Seksyen B – Perbelanjaan perubatan, melebihi RM100 | | | | |
| | Akibat kemalangan sahaja | Akibat kemalangan atau penyakit | | |
| <p>Perbelanjaan berkaitan perubatan</p> <p>a. Rawatan Perubatan Tanpa Tunai - Surat Jaminan disediakan untuk kemasukan ke hospital tanpa tunai</p> <p>b. Pembayaran balik Perubatan - Membayar balik perbelanjaan rawatan pesakit luar di bawah RM3,000</p> <p>Maksimum satu keluarga*</p> | 50,000 | 100,000 | 300,000 | 500,000 |
| <p>Perbelanjaan Rawatan Susulan</p> <p>Pembayaran balik kos rawatan susulan (termasuk kos ambulans persendirian atau caj khidmat jururawat profesional di rumah) dalam tempoh 3 bulan selepas pulang dari perjalanan anda</p> <p>Maksimum satu keluarga*</p> | 5,000 | 5,000 | 10,000 | 30,000 |
| <p>Perbelanjaan rawatan alternatif</p> <p>Pembayaran balik kos ubat-ubatan tradisional, osteopati, pakar fisioterapi, dan/atau rawatan kiropraktor, disyorkan oleh Pengamal Perubatan, dalam tempoh 3 bulan selepas pulang dari perjalanan anda</p> <p>Maksimum satu keluarga*</p> | Tidak Dilindungi | Tidak Dilindungi | Tidak Dilindungi | 1,000 |
| | | | | 2,500 |

| Manfaat (setiap kemalangan /insiden, setiap perjalanan) | Jumlah Maksimum Dilindungi setiap orang (RM) | | | |
|--|--|--------------------------------|--------------------------------|--------------------------------|
| | Domestik | Antarabangsa | | |
| | | Perak | Emas | Platinum |
| Penjagaan ihsan Pembayaran balik kos perbelanjaan perjalanan dan penginapan bagi seorang ahli keluarga untuk menjaga anda semasa di hospital atau membantu menguruskan pengebumian sekiranya berlaku kematian, dengan syarat tiada ahli keluarga dewasa semasa perjalanan | Tidak Dilindungi | | 5,000 | |
| Elaun kemasukan ke hospital Pembayaran elaun harian semasa anda dimasukkan ke hospital sehingga maksimum 20 hari | 150 sehari | 150 sehari | 250 sehari | 350 sehari |
| Maksimum satu keluarga* | 7,500 | 7,500 | 12,500 | 17,500 |
| Seksyen C - Kesulitan perjalanan | | | | |
| Pembatalan atau Pemendekan Perjalanan Pembayaran balik kos yang ditanggung untuk perjalanan yang dibatalkan sebelum anda memulakan perjalanan atau sebahagian daripada kos yang dibayar (termasuk hotel dan kos penghantaran balik) untuk perjalanan yang dipendekkan disebabkan oleh sebab tertentu yang ditakrifkan dalam sijil anda | Tidak Dilindungi | Tidak Dilindungi | 20,000 | 50,000 |
| Maksimum satu keluarga* | | | 50,000 | 125,000 |
| Kelewatan perjalanan Pembayaran untuk kelewatan perjalanan adalah seperti dibawah: a. 2 jam pertama b. 6 jam seterusnya | 100 n/a | 100 250 (sehingga 1,000) | 100 250 (sehingga 2,000) | 100 250 (sehingga 5,000) |
| Maksimum satu keluarga* | 250 | 2,500 | 5,000 | 12,500 |
| Kelewatan bagasi Pembayaran untuk kelewatan bagasi anda (sekurang-kurangnya 6 jam) a. Semasa tiba di destinasi anda di dalam atau luar negara | 500 | 500 | 800 | 1000 |
| Maksimum satu keluarga* | 1,250 | 1,250 | 2,000 | 2,500 |

| Manfaat (setiap kemalangan /insiden, setiap perjalanan) | Jumlah Maksimum Dilindungi setiap orang (RM) | | | |
|---|---|---|---|--|
| | Domestik | Antarabangsa | | |
| | | Perak | Emas | Platinum |
| Kelewatan bagasi Pembayaran untuk kelewatan bagasi anda (sekurang-kurangnya 6 jam) b. Semasa anda kembali ke Rumah anda (pelan domestik) atau ke Malaysia (pelan antarabangsa) Maksimum satu keluarga* | Tidak Dilindungi Tidak Dilindungi | 100 250 | 150 375 | 200 500 |
| Kesulitan akibat rampasan Pembayaran bagi tempoh 24 jam penuh akibat rampasan Maksimum satu keluarga* | Tidak Dilindungi | Tidak Dilindungi | 250 (sehingga to 500) | 250 (sehingga 1,000) |
| Maksimum satu keluarga* | | | 1,250 | 2,500 |
| Terlepas sambungan perjalanan Pembayaran untuk terlepas sambungan perjalanan atau tiada pengangkutan alternatif lain yang disediakan untuk anda dalam tempoh 6 jam Maksimum satu keluarga* | Tidak Dilindungi | 400 1,000 | 500 1,250 | 600 1,500 |
| Seksyen D - Kerugian atau kerosakan pada bagasi, barangan peribadi, wang peribadi dan/ atau dokumen perjalanan** | | | | |
| Bagasi dan/atau barangan peribadi a. Kehilangan atau kerosakan pada bagasi b. Kehilangan atau kerosakan pada barangan peribadi - terhadap RM500 untuk mana-mana satu barang/ sepasang/set barang c. Kehilangan atau kerosakan pada barangan elektronik - terhadap komputer riba, tablet dan telefon bimbit Maksimum satu keluarga* | 1,000 (200) (400) (400) 2,500 | 1,000 (200) (400) (400) 2,500 | 3,000 (800) (1,200) (1,000) 7,500 | 5,000 (1,000) (2,000) (2,000) 12,500 |
| Wang peribadi Pembayaran balik kehilangan wang anda (termasuk kiriman wang pos dan cek kembara) disebabkan kecurian Maksimum satu keluarga* | Tidak Dilindungi | Tidak Dilindungi | 500 1,250 | 1,000 2,500 |
| Dokumen perjalanan Pembayaran untuk kehilangan pasport atau visa akibat kecurian Maksimum satu keluarga* | Tidak Dilindungi | Tidak Dilindungi | 1,000 2,500 | 1,500 3,750 |

| Manfaat (setiap kemalangan /insiden, setiap perjalanan) | Jumlah Maksimum Dilindungi setiap orang (RM) | | | |
|---|--|--|-----------|-----------|
| | Domestik | Antarabangsa | | |
| | | Perak | Emas | Platinum |
| Seksyen E – Liabiliti peribadi Melindungi anda dari liabiliti undang-undang terhadap pihak ketiga atau kerosakan kepada harta benda mereka kerana kecuaiannya | 200,000 | 200,000 | 1,000,000 | 2,000,000 |
| Maksimum satu keluarga* | 500,000 | 500,000 | 2,500,000 | 5,000,000 |
| Seksyen F – Perkhidmatan kecemasan (manfaat dibayar di bawah Seksyen A atau B) | Akibat kemalangan sahaja | Akibat kemalangan atau penyakit | | |
| Pemindahan perubatan kecemasan dan penghantaran pulang Pengkangkutan kecemasan dan rawatan perubatan dalam perjalanan untuk memindahkan anda (dalam keadaan kritikal perubatan) ke hospital terdekat dan jika perlu, untuk anda pulang ke rumah bagi meneruskan rawatan perubatan | 500,000 | 500,000 | 1,000,000 | 1,500,000 |
| Manfaat ihsan Bayaran balik perbelanjaan perjalanan dan penginapan untuk seorang ahli keluarga untuk menjaga anda semasa anda dimasukkan ke hospital atau membantu urusan pengebumian jika berlaku kematian, dengan syarat tiada ahli keluarga dewasa hadir bersama semasa dalam perjalanan | Tidak Dilindungi | 5,000 | | |
| Penghantaran pulang dan pengebumian jenazah Pembayaran untuk kos pengebumian atau pembakaran mayat di tempat berlakunya kematian atau perbelanjaan penghantaran pulang mayat kembali ke Malaysia | 500,000 | 500,000 | 1,000,000 | 1,500,000 |

| Manfaat (setiap kemalangan /insiden, setiap perjalanan) | Jumlah Maksimum Dilindungi setiap orang (RM) | | | |
|--|--|------------------|---------|----------|
| | Domestik | Antarabangsa | | |
| | | Perak | Emas | Platinum |
| Seksyen G – Aktiviti sukan berbahaya | | | | |
| Perlindungan untuk kematian, hilang upaya kekal dan perbelanjaan perubatan yang disebabkan oleh kemalangan semasa menyertai aktiviti sukan berbahaya | Tidak Dilindungi | Pilihan | Pilihan | Pilihan |
| Seksyen H - Perlindungan Tambahan untuk COVID-19 (untuk perjalanan ke luar negara sahaja) | | | | |
| Pembatalan perjalanan akibat COVID-19 | Tidak Dilindungi | Sehingga 5,000 | | |
| Maksimum satu keluarga* | | 12,500 | | |
| Kesulitan perjalanan akibat COVID-19 | Tidak Dilindungi | Sehingga 5,000 | | |
| Maksimum satu keluarga* | | 12,500 | | |
| Perbelanjaan perubatan di luar negara akibat COVID-19 | Tidak Dilindungi | Sehingga 300,000 | | |
| Maksimum satu keluarga* | | 750,000 | | |
| Pemindahan perubatan kecemasan dan penghantaran pulang akibat COVID-19 | Tidak Dilindungi | Sehingga 100,000 | | |
| Maksimum satu keluarga* | | 250,000 | | |
| Penghantaran pulang dan pengebumian jenazah akibat COVID-19 | Tidak Dilindungi | Sehingga 100,000 | | |
| Maksimum satu keluarga* | | 250,000 | | |

Nota:

1. Bagi Seksyen H, sekiranya orang yang dilindungi berumur 61 hingga 70 tahun, jumlah manfaat untuk perbelanjaan perubatan di luar negara, pemindahan perubatan kecemasan dan penghantaran pulang dan pengebumian jenazah akibat COVID-19 adalah 50% daripada had yang ditunjukkan dalam jadual di atas.
2. Maksimum satu keluarga merujuk kepada had maksimum yang perlu dibayar kepada keluarga di bawah "Pelan Keluarga" (2.5x had individu).
3. Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada Helaian Pendedahan Produk atau Sijil Takaful untuk maklumat lanjut mengenai terma-terma dan syarat-syarat.

Seksyen G - Perlindungan Tambahan untuk Aktiviti Sukan Berbahaya

Dengan sumbangan tambahan, anda boleh mendapatkan perlindungan untuk aktiviti-aktiviti berikut sekiranya berlaku kematian, hilang upaya kekal, perbelanjaan perubatan:

- Abseiling;
- Terjun bungee;
- Terjun udara;
- Geluncur angin;
- Menaiki helikopter untuk bersiar-siar;
- Belon udara panas;
- Maraton Ultra;
- Konvoi bermotosikal*;
- Sukan air - Jet ski, berdayung, kapal layar, layar-layang (parasailing), luncur air, luncur angin (papan pelayar);
- Mendaki gunung di bawah ketinggian 3,000 meter di atas aras laut dengan penggunaan tali dan lain-lain peralatan mendaki;
- Memanjat bukit dengan penggunaan tali dan lain-lain kelengkapan memanjat;
- Meluncur salji dengan kebenaran rasmi di kawasan luncur yang diluluskan;
- Sukan berkanu atau rakit redah jeram dengan pengajar yang bertauliah dan sehingga Tahap 3 (Kesukaran Sungai Skala Antarabangsa); dan
- Aktiviti di bawah air yang melibatkan alat pernafasan tiruan untuk menyelam sehingga kedalaman maksimum 30 meter dengan pengajar yang bertauliah dan mempunyai sijil yang diiktiraf.

Nota:

- *Konvoi bermotosikal dikecualikan untuk perjalanan atau percutian dalam Kawasan1 (Domestik).
- Dengan syarat aktiviti-aktiviti di atas dilakukan sebagai amatir dan untuk tujuan masa lapang dengan pengendali berlesen semasa anda mengembara.

Sumbangan

| Pelan | INDIVIDU (RM) | | | | | | | | | |
|--------------------------|-------------------------------|--------------|-----------|-----------|-----------|--------------|-----------|-----------|-----------|-----------|
| | Dewasa (18 sehingga 70 tahun) | | | | | | | | | |
| | Domestik | Antarabangsa | | | | Antarabangsa | | | | Platinum |
| Jumlah Bil. Hari | Perak | | | | Emas | | | | Platinum | |
| | Kawasan 1 | Kawasan 2 | Kawasan 3 | Kawasan 4 | Kawasan 2 | Kawasan 3 | Kawasan 4 | Kawasan 2 | Kawasan 3 | Kawasan 4 |
| 1-5 | 16.50 | 25.00 | 33.50 | 45.00 | 41.00 | 54.50 | 73.50 | 54.00 | 72.00 | 97.00 |
| 6-10 | 25.00 | 36.50 | 48.50 | 65.50 | 59.50 | 79.50 | 107.00 | 78.50 | 105.00 | 141.50 |
| 11-18 | 35.50 | 57.00 | 76.00 | 102.50 | 93.00 | 124.00 | 167.50 | 123.00 | 164.00 | 221.50 |
| 19-30 | 41.00 | 67.50 | 90.00 | 122.00 | 110.50 | 147.00 | 198.50 | 146.00 | 194.50 | 263.00 |
| Setiap Minggu Tambahan | Tidak Dilindungi | 17.50 | 23.50 | 32.00 | 29.00 | 38.50 | 52.00 | 38.00 | 51.00 | 69.00 |
| Tahunan | Tidak Dilindungi | 188.00 | 228.50 | 272.50 | 306.50 | 373.00 | 444.50 | 405.00 | 493.00 | 587.50 |
| Aktiviti Sukan Berbahaya | Tidak Dilindungi | 18.50 | 18.50 | 18.50 | 55.50 | 55.50 | 55.50 | 93.00 | 93.00 | 93.00 |

| Pelan | INDIVIDU (RM) | | | | | | | | | |
|--------------------------|-----------------------------------|--------------|-----------|-----------|-----------|--------------|-----------|-----------|-----------|-----------|
| | Warga Emas (71 sehingga 80 tahun) | | | | | | | | | |
| | Domestik | Antarabangsa | | | | Antarabangsa | | | | Platinum |
| Jumlah Bil. Hari | Perak | | | | Emas | | | | Platinum | |
| | Kawasan 1 | Kawasan 2 | Kawasan 3 | Kawasan 4 | Kawasan 2 | Kawasan 3 | Kawasan 4 | Kawasan 2 | Kawasan 3 | Kawasan 4 |
| 1-5 | 53.50 | 81.50 | 108.50 | 146.50 | 132.50 | 177.00 | 239.00 | 175.50 | 234.00 | 316.00 |
| 6-10 | 80.50 | 118.50 | 158.00 | 213.50 | 193.50 | 258.00 | 348.00 | 255.50 | 341.00 | 460.00 |
| 11-18 | 115.00 | 185.50 | 247.00 | 333.50 | 302.50 | 403.00 | 544.00 | 400.00 | 533.00 | 719.50 |
| 19-30 | 133.50 | 220.00 | 293.50 | 396.00 | 358.50 | 478.50 | 645.50 | 474.50 | 632.50 | 854.00 |
| Setiap Minggu Tambahan | Tidak Dilindungi | 57.50 | 77.00 | 103.50 | 94.00 | 125.50 | 169.00 | 124.50 | 165.50 | 223.50 |
| Tahunan | Tidak Dilindungi | 610.50 | 743.00 | 885.50 | 995.50 | 1,211.50 | 1,444.00 | 1,316.50 | 1,602.00 | 1,910.00 |
| Aktiviti Sukan Berbahaya | Tidak Dilindungi | | | | | | | | | |

Nota:

- Semua sumbangan (jika berkenaan) akan tertakluk kepada caj-caj atau cukai-cukai yang berkenaan sebagaimana yang dianggap perlu oleh pihak berkuasa Cukai Malaysia. Tambahan RM10 duti setem akan dikenakan untuk setiap sijil.
- Untuk **Umrah**, anda boleh memilih Kawasan 3 (Seluruh dunia kecuali Malaysia, Nepal, Amerika Syarikat (AS) dan Kanada) sebagai pilihan perlindungan anda.

| Pelan | INDIVIDU & PASANGAN (RM) | | | | | | | | | |
|--------------------------|-------------------------------|-----------|--------------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|
| | Dewasa (18 sehingga 70 tahun) | | | | | | | | | |
| | Jumlah Bil. Hari | Domestik | Antarabangsa | | | | | | | |
| Perak | | | Emas | | Platinum | | | | | |
| | Kawasan 1 | Kawasan 2 | Kawasan 3 | Kawasan 4 | Kawasan 2 | Kawasan 3 | Kawasan 4 | Kawasan 2 | Kawasan 3 | Kawasan 4 |
| 1-5 | 31.50 | 48.00 | 63.50 | 86.00 | 78.00 | 104.00 | 140.50 | 103.00 | 137.50 | 185.50 |
| 6-10 | 47.50 | 69.50 | 93.00 | 125.50 | 113.50 | 151.50 | 204.50 | 150.50 | 200.50 | 270.50 |
| 11-18 | 67.50 | 109.00 | 145.50 | 196.00 | 177.50 | 237.00 | 320.00 | 235.00 | 313.50 | 423.00 |
| 19-30 | 78.50 | 129.50 | 172.50 | 232.50 | 211.00 | 281.00 | 379.50 | 279.00 | 371.50 | 502.00 |
| Setiap Minggu Tambahan | Tidak Dilindungi | 34.00 | 45.00 | 61.00 | 55.00 | 73.50 | 99.50 | 73.00 | 97.50 | 131.50 |
| Tahunan | Tidak Dilindungi | 359.00 | 436.50 | 520.50 | 585.00 | 712.00 | 848.50 | 774.00 | 941.50 | 1,122.50 |
| Aktiviti Sukan Berbahaya | Tidak Dilindungi | 35.50 | 35.50 | 35.50 | 106.50 | 106.50 | 106.50 | 177.50 | 177.50 | 177.50 |

| Pelan | KELUARGA (RM) | | | | | | | | | |
|--------------------------|---|-----------|--------------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|
| | Dewasa (18 sehingga 70 tahun) dan anak anak | | | | | | | | | |
| | Jumlah Bil. Hari | Domestik | Antarabangsa | | | | | | | |
| Perak | | | Emas | | Platinum | | | | | |
| | Kawasan 1 | Kawasan 2 | Kawasan 3 | Kawasan 4 | Kawasan 2 | Kawasan 3 | Kawasan 4 | Kawasan 2 | Kawasan 3 | Kawasan 4 |
| 1-5 | 39.50 | 60.50 | 80.50 | 108.50 | 100.00 | 133.50 | 180.00 | 133.50 | 178.00 | 240.50 |
| 6-10 | 59.50 | 86.50 | 115.50 | 155.50 | 143.50 | 191.00 | 258.00 | 191.50 | 255.00 | 344.50 |
| 11-18 | 85.00 | 137.50 | 183.00 | 247.00 | 227.50 | 303.00 | 409.00 | 303.50 | 405.00 | 546.50 |
| 19-30 | 98.50 | 172.50 | 230.00 | 310.50 | 285.50 | 381.00 | 514.00 | 381.50 | 508.50 | 686.50 |
| Setiap Minggu Tambahan | Tidak Dilindungi | 44.50 | 59.50 | 80.00 | 74.00 | 98.50 | 133.00 | 98.50 | 131.50 | 177.50 |
| Tahunan | Tidak Dilindungi | 445.50 | 542.00 | 646.50 | 738.00 | 897.50 | 1,070.00 | 985.50 | 1,199.00 | 1,429.00 |
| Aktiviti Sukan Berbahaya | Tidak Dilindungi | 46.50 | 46.50 | 46.50 | 139.50 | 139.50 | 139.50 | 232.50 | 232.50 | 232.50 |

Seksyen H - Kadar Sumbangan Untuk Perlindungan COVID-19

| Pelan | INDIVIDU (RM) | | |
|------------------------|-------------------------------|--------------|-----------|
| | Dewasa (18 sehingga 70 tahun) | | |
| | Tempoh (bilangan hari) | Antarabangsa | |
| Kawasan 2 | | Kawasan 3 | Kawasan 4 |
| 1-5 | 17.50 | 20.50 | 28.00 |
| 6-10 | 26.00 | 34.00 | 47.00 |
| 11-18 | 38.50 | 53.50 | 74.50 |
| 19-30 | 56.00 | 81.50 | 113.00 |
| Setiap Minggu Tambahan | 12.50 | 19.50 | 27.00 |

| Pelan | INDIVIDU & PASANGAN (RM) | | |
|------------------------|-------------------------------|--------------|-----------|
| | Dewasa (18 sehingga 70 tahun) | | |
| | Tempoh (bilangan hari) | Antarabangsa | |
| Kawasan 2 | | Kawasan 3 | Kawasan 4 |
| 1-5 | 31.50 | 37.00 | 50.50 |
| 6-10 | 47.00 | 61.00 | 84.50 |
| 11-18 | 69.50 | 96.50 | 134.00 |
| 19-30 | 101.00 | 146.50 | 203.50 |
| Setiap Minggu Tambahan | 22.50 | 35.00 | 48.50 |

| Pelan | KELUARGA (RM) | | |
|------------------------|---|--------------|-----------|
| | Dewasa (18 hingga 70 tahun) dan Kanak-kanak yang belum berkahwin, tidak mempunyai pekerjaan dan berumur antara 45 hari hingga 18 tahun ATAU tidak melebihi 23 tahun jika belajar sepenuh masa di institusi pengajian tinggi yang diiktiraf) | | |
| | Tempoh (bilangan hari) | Antarabangsa | |
| Kawasan 2 | | Kawasan 3 | Kawasan 4 |
| 1-5 | 44.00 | 51.50 | 70.00 |
| 6-10 | 65.00 | 85.00 | 117.50 |
| 11-18 | 96.50 | 134.00 | 186.50 |
| 19-30 | 140.00 | 204.00 | 282.50 |
| Setiap Minggu Tambahan | 31.50 | 49.00 | 67.50 |

| | |
|---|---|
| Kawasan 1: Domestik | Dalam Malaysia. |
| Kawasan 2: Negara-Negara Asia yang terpilih | Bangladesh, Bhutan, Brunei, Cambodia, China, Hong Kong, India, Indonesia, Jepun, Laos, Macau, Maldives, Myanmar, Pakistan, Philippines, Sikkim, Singapura, Korea Selatan, Sri Lanka, Taiwan, Thailand, Timor Leste dan Vietnam. |
| Kawasan 3: Seluruh Dunia dengan Pengecualian | Seluruh dunia kecuali Malaysia, Nepal, Amerika Syarikat (AS) dan Kanada. |
| Kawasan 4: Seluruh Dunia | Seluruh dunia termasuk Nepal, Amerika Syarikat (AS) dan Kanada (kecuali Malaysia). |

Soalan Lazim

1. Apakah produk ini?

Produk ini menyediakan manfaat sekiranya berlaku kejadian tertentu kepada orang yang dilindungi ketika dalam perjalanan domestik atau antarabangsa, untuk tujuan perniagaan atau bersantai. Manfaat- manfaat ini termasuk kematian atau hilang upaya kekal akibat kemalangan, perbelanjaan perubatan disebabkan oleh kemalangan atau penyakit, pelbagai kesulitan, kehilangan atau kerosakan bagasi dan/atau barangan peribadi, liabiliti peribadi, perkhidmatan kecemasan dan perlindungan pilihan bagi aktiviti sukan berbahaya. Manfaat aktiviti sukan berbahaya (pilihan) memberikan perlindungan tambahan sekiranya anda memilih untuk mengambil bahagian dalam aktiviti mencabar, dengan bimbingan pengajar bertauliah dan pengawasan yang betul oleh pengendali berlesen.

2. Saya bukan Warganegara Malaysia (warga asing). Adakah saya layak untuk mendaftar pelan perjalanan TripCare 360 Takaful?

Ya, dengan syarat perjalanan bermula dari Malaysia dan kembali ke Malaysia selepas perjalanan anda.

3. Saya seorang Warganegara Malaysia, tetapi saya berlepas dari negara lain (Singapura, Indonesia, Thailand dan lain-lain). Bolehkah saya mendaftar pelan takaful ini?

Anda tidak boleh mendaftar pelan ini. Anda perlu berlepas/memulakan perjalanan dari Malaysia.

4. Bagaimanakah saya boleh mendaftar pelan takaful?

Anda boleh mendaftar pelan takaful perjalanan anda dalam mana-mana kaedah berikut:

- Daftar atas talian di laman web kami; atau
- Cari dan hubungi ejen untuk mendaftar; atau
- Kunjungi mana-mana cawangan terdekat kami di kawasan anda.

Anda boleh mendaftar pelan takaful pada hari yang sama 6 jam sebelum waktu berlepas. Anda digalakkan untuk mendaftar sekurang-kurangnya 14 hari sebelum berlepas untuk menikmati manfaat pembatalan perjalanan.

5. Bolehkah saya mendaftar pelan TripCare 360 Takaful untuk keluarga saya dan berapakah sumbangan yang perlu dibayar?

Ya, anda boleh mendaftar pelan TripCare 360 Takaful untuk keluarga anda, iaitu pasangan dan anak-anak yang bercuti bersama anda.

Sumbangan adalah berbeza bergantung kepada pelan yang dipilih, destinasi dan tempoh perlindungan. Sumbangan adalah termasuk Cukai Perkhidmatan sebanyak 6% dan hanya untuk perjalanan domestik sahaja.

6. Apakah cara pembayaran?

Anda boleh memilih untuk membuat pembayaran tunai, cek atau melalui kad kredit. Nota: Cek mesti dijelaskan sebelum tarikh sijil berkuat kuasa.

7. Bilakah perlindungan bermula dan tamat untuk setiap perjalanan?

Domestik (Kawasan 1)

Perjalanan bermula dari tarikh takaful berkuat kuasa pada jam 12:01 pagi waktu Malaysia dan tamat pada mana-mana yang berikut yang berlaku terlebih dahulu:

- Sejurus tiba di tempat tinggal anda di Malaysia; atau
- Tamat tempoh takaful pada jam 23:59 malam waktu Malaysia, pada tarikh yang dinyatakan dalam sijil.

Antarabangsa (Kawasan 2, 3 & 4)

Perjalanan bermula 6 jam sebelum waktu berlepas yang telah ditempah untuk perjalanan terus ke tempat berlepas di Malaysia, dan tamat pada mana-mana keadaan berikut yang berlaku terlebih dahulu:

- 6 jam selepas masa ketibaan yang telah ditempah di destinasi terakhir di Malaysia;
- Sejurus tiba di tempat tinggal anda di Malaysia; atau
- Tamat tempoh takaful yang dinyatakan dalam sijil.

Perlindungan dilanjutkan mengikut budi bicara kami sehingga 30 hari dari tamat tempoh takaful tanpa perlu membayar apa-apa sumbangan tambahan sekiranya anda dimasukkan ke hospital dan/atau dikuarantin di luar negara seperti yang disyorkan oleh doktor ataupun disebabkan apa-apa keadaan di luar kawasan anda yang kami anggap wajar untuk melarang anda pulang ke Malaysia sebelum tamat tempoh takaful.

8. Apakah tempoh maksimum untuk perjalanan tunggal dan perjalanan tahunan?

Tempoh di bawah "Satu Perjalanan" tidak boleh melebihi:

- Perjalanan Antarabangsa
 - Pelan setiap perjalanan : 180 hari berturut-turut
 - Pelan perjalanan tahunan : 90 hari berturut-turut
- Perjalanan Domestik
 - Pelan setiap perjalanan : 30 hari berturut-turut

Nota: Perjalanan sehalu adalah tidak dibenarkan.

9. Bagaimanakah untuk saya membatalkan sijil dan mendapatkan bayaran balik sumbangan yang dibayar?

Tiada bayaran balik sumbangan apabila sijil TripCare 360 Takaful dikeluarkan.

10. Bagaimanakah untuk membuat tuntutan?

Semua tuntutan mesti dimaklumkan kepada kami secepat mungkin iaitu dalam tempoh 24 jam, tetapi tidak lewat daripada 30 hari selepas kehilangan atau kerosakan. Anda boleh mengemukakan tuntutan anda secara dalam talian di www.etiqa.com.my atau melalui e-mel ke travelclaimscare@etiqa.com.my. Sila rujuk kepada Sijil Takaful untuk maklumat lanjut mengenai notis makluman, prosedur dan penyelesaian tuntutan.

11. Siapa yang perlu dihubungi untuk mendapatkan bantuan kecemasan atau sekiranya saya perlu dimasukkan ke hospital semasa di luar negara?

Anda boleh menghubungi Talian Bantuan Perjalanan 24 jam, 7 hari di **+603-2785 6565** untuk mendapatkan bantuan.

12. Saya mengalami keadaan perubatan dan fizikal. Bolehkah saya membuat tuntutan perbelanjaan perubatan/hospital dan lain-lain sekiranya saya memerlukan rawatan semasa perjalanan?

Tidak. Sijil ini tidak akan membiayai perbelanjaan yang ditanggung secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau timbul daripada keadaan sedia ada di mana di bawah pengetahuan anda sebelum permulaan sijil atau yang wujud atau mengalami gejala dalam tempoh 12 bulan sebelum permulaan setiap perjalanan atau percutian.

13. Bolehkah saya membayar perlindungan tambahan untuk keadaan “penyakit sedia ada”?

Tidak, TripCare 360 Takaful tidak mempunyai pilihan seperti di atas.

14. Bolehkah saya meneruskan rawatan perubatan saya selepas pulang ke rumah untuk sebarang kecederaan yang berlaku semasa perjalanan di luar negara?

Ya. Anda boleh mendapatkan bayaran balik untuk perbelanjaan perubatan apabila anda pulang ke Malaysia untuk rawatan susulan sehingga maksimum 3 bulan dari tarikh anda pulang, tertakluk kepada had manfaat pelan anda.

15. Bolehkah saya mendapatkan bayaran balik untuk perbelanjaan yang tidak dapat dikembalikan yang telah dibayar sekiranya saya perlu membatalkan perjalanan kerana penyakit yang serius?

Sijil ini akan membayar balik kos sekiranya perjalanan anda dibatalkan kerana kecederaan atau sakit yang serius yang memerlukan anda dimasukkan ke hospital atau wajib dikuarantin dan tidak sesuai untuk meneruskan perjalanan seperti yang disahkan oleh Pengamal Perubatan. Untuk seksyen yang perlu dibayar, pelan takaful mesti disertai selewat-lewatnya 7 hari sebelum tarikh permulaan perjalanan anda.

16. Adakah terdapat caj yang perlu dibayar untuk Perkhidmatan Bantuan Perjalanan dan Perubatan?

Caj Perkhidmatan Bantuan Perjalanan dan Perubatan telah dimasukkan sebagai sebahagian daripada sumbangan. Walaubagaimanapun, untuk sebarang perkhidmatan/caj lain yang diperlukan yang tidak termasuk dalam skop yang dinyatakan dalam sijil, anda perlu menanggung caj tersebut dan mereka akan memaklumkan kepada anda mengenai caj dan pembayaran sebelum pelaksanaan perkhidmatan yang diperlukan.

17. Apakah pengecualian am di bawah sijil ini?

Pengecualian Am

- a) Keadaan sedia ada;
- b) Kecederaan yang disengajakan, cubaan membunuh diri, gangguan mental;
- c) Komplikasi kehamilan, penyakit kelamin, HIV, alkohol atau dadah;
- d) Perjalanan udara selain daripada sebagai penumpang yang membayar tambang biasa berjadual atau pesawat berlesen yang disewa;
- e) Terlibat dalam sukan, pekerjaan, atau aktiviti yang berbahaya kecuali aktiviti-aktiviti tersebut telah dilindungi di bawah aktiviti sukan berbahaya (manfaat pilihan) yang telah anda sertai;
- f) Perjalanan ke negara-negara atau kawasan-kawasan yang tertakluk kepada peperangan, konflik, atau kuarantin bagi penyakit berjangkit atau negara-negara sekatan seperti berikut: Cuba, Iran, Iraq, Korea Utara, Palestin, Syria atau Ukraine;
- g) Penyertaan dalam sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang seperti serangan yang diprovokasi;
- h) Tindakan yang diambil oleh pihak berkuasa kerajaan; dan
- i) Membuat perjalanan untuk mengerjakan ibadah haji.

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada Sijil Takaful untuk senarai lengkap pengecualian.

Nota Penting

1. Risalah ini bertujuan untuk rujukan sahaja dan tidak boleh diambil kira sebagai kontrak.
2. Etiqa General Takaful Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.
3. Anda dikehendaki mendedahkan semua fakta seperti keadaan kesihatan dan umur anda yang tepat. Sila ambil perhatian bahawa anda bertanggungjawab untuk tidak memberi maklumat semasa menjawab soalan-soalan dan membuat pendedahan fakta.
4. Sumbangan hendaklah dibayar dengan penuh dan diterima oleh kami sebelum tarikh Takaful berkuatkuasa atau pembaharuan Sijil. Jika syarat ini tidak dipatuhi maka Sijil tidak akan berkuatkuasa serta menjadi tidak sah.
5. Sila pastikan anda membawa bersama dokumen Sijil Takaful atau Sijil Perlindungan semasa perjalanan.
6. Risalah ini hanya mengandungi keterangan ringkas mengenai produk ini. Untuk maklumat terperinci mengenai manfaat, pengecualian serta terma-terma dan syarat-syarat, sila rujuk kepada Sijil Takaful.